

## Potensi Wakaf Sebagai Mekanisme Perlindungan dan Jaminan Sosial Golongan Pelarian Di Malaysia: Satu Analisa Kualitatif

Farhana Mohamad Suhaimi

*Corresponding Author*

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

[farhanams@usim.edu.my](mailto:farhanams@usim.edu.my)

Muhammad Ridhwan Ab Aziz

Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia

[ridhwan@usim.edu.my](mailto:ridhwan@usim.edu.my)

Ahmad Zaki Salleh

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

[ahmadzaki@usim.edu.my](mailto:ahmadzaki@usim.edu.my)

### Abstrak

Pelarian merujuk kepada individu yang berada di luar negara kerakyatannya, atas sebab berasa takut akan dianaya kerana faktor bangsa, agama, kewarganegaraan, keanggotaan sesebuah kumpulan sosial atau parti politik sehingga tidak boleh atau tidak mahu mendapatkan perlindungan daripada negaranya itu. Statistik Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) merekodkan sebanyak 151,596 orang pemegang kad UNHCR di Malaysia. Bagi membantu menyelesaikan masalah kebijakan dan hak asasi pelarian, pertubuhan bukan kerajaan seperti UNHCR, organisasi berasaskan komuniti pelarian telah diwujudkan serta ihsan kerajaan Malaysia. Namun dana sedia ada adalah amat terhad berbanding dengan jumlah pelarian yang berada di negara ini. Kajian ini adalah kajian awal bertujuan untuk melihat potensi wakaf sebagai sumber dana dan bantuan bagi membiayai pelarian sementara berada di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Sumber pengumpulan data daripada artikel jurnal dan dokumen berkaitan wakaf dan pelarian di Malaysia dan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati wakaf berpotensi untuk dimanfaatkan menerusi dua bentuk harta alih seperti wang atau peralatan, dan harta tidak alih seperti penempatan sementara, dapur awam, klinik kesihatan, pusat pendidikan dan tanah pertanian. Manakala dengan bantuan lain seperti kutipan dana, sedekah atau zakat dimanfaatkan bagi menyediakan keperluan asasi seperti makanan, pakaian dan sanitasi. Kesediaan badan bukan kerajaan serta masyarakat menerusi wakaf dapat menyediakan golongan pelarian untuk berdikari sementara berada di negara ini. Di samping menyumbang kepada ekonomi negara secara tidak langsung, bantuan ini juga berpotensi

mengekang berlakunya masalah kesihatan, jenayah, keganasan domestik yang membabitkan warga asing.

**Kata kunci:** *wakaf, wakaf pelarian, jaminan sosial pelarian, kemanusiaan*

### Abstract

Pelarian merujuk kepada individu yang berada di luar negara kerakyatannya, atas sebab berasa takut akan dianaya kerana faktor bangsa, agama, kewarganegaraan, keanggotaan sesebuah kumpulan sosial atau parti politik sehingga tidak boleh atau tidak mahu mendapatkan perlindungan daripada negaranya itu. Statistik Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) merekodkan sebanyak 151,596 orang pemegang kad UNHCR di Malaysia. Bagi membantu menyelesaikan masalah kebijakan dan hak asasi pelarian, pertubuhan bukan kerajaan seperti UNHCR, organisasi berasaskan komuniti pelarian telah diwujudkan serta ihsan kerajaan Malaysia. Namun dana sedia ada adalah amat terhad berbanding dengan jumlah pelarian yang berada di negara ini. Kajian ini adalah kajian awal bertujuan untuk melihat potensi wakaf sebagai sumber dana dan bantuan bagi membiayai pelarian sementara berada di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Sumber pengumpulan data daripada artikel jurnal dan dokumen berkaitan wakaf dan pelarian di Malaysia dan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati wakaf berpotensi untuk dimanfaatkan menerusi dua bentuk harta alih seperti wang atau peralatan, dan harta tidak alih seperti penempatan sementara, dapur awam, klinik kesihatan, pusat pendidikan dan tanah pertanian. Manakala dengan bantuan lain seperti kutipan dana, sedekah atau zakat dimanfaatkan bagi menyediakan keperluan asasi seperti makanan, pakaian dan sanitasi. Kesediaan badan bukan kerajaan serta masyarakat menerusi wakaf dapat menyediakan golongan pelarian untuk berdikari sementara berada di negara ini. Di samping menyumbang kepada ekonomi negara secara tidak langsung, bantuan ini juga berpotensi mengekang berlakunya masalah kesihatan, jenayah, keganasan domestik yang membabitkan warga asing.

**Kata kunci:** *wakaf, wakaf pelarian, jaminan sosial pelarian, kemanusiaan*

## 1. Pendahuluan

Krisis kemanusiaan yang melanda beberapa buah negara bergolak di dunia seperti Palestin, Syria dan Myanmar turut memberi kesan kepada negara lain termasuk Malaysia. Perang, rampasan kuasa, penghapusan etnik, penghapusan agama dan penindasan yang berlaku dalam negara berkonflik ini menyebabkan sebilangan atau sejumlah besar penduduk terpaksa keluar dan menjadi pelarian untuk mencari perlindungan di negara jiran. Berdasarkan

Artikel 1 Konvensyen Pelarian 1951, pelarian merujuk kepada individu yang berada di luar negara kerakyatannya, atas sebab berasa takut akan dianaya kerana faktor bangsa, agama, kewarganegaraan, keanggotaan sesebuah kumpulan sosial atau parti politik sehingga tidak boleh atau tidak mahu mendapatkan perlindungan daripada negaranya itu (UNHCR, 2010).

Di Malaysia, statistik Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) merekodkan sehingga 31 Julai 2016, terdapat 151,596 pemegang kad UNHCR dari 54 buah negara yang telah diberikan perlindungan antaranya Myanmar, Sri Langka, Pakistan, Somalia, Syria, Iraq, Iran dan Palestin. Daripada jumlah tersebut, 90 peratus adalah dari Myanmar (KDN, 2016). Berbanding pada tahun 2009, sebanyak 15,001 pelarian Rohingya, meningkat 100 peratus kepada 30,463 pada 2013, dan terkini pada Oktober 2016 telah mencecah sebanyak 54,856 (Muhammad Faris Zaidi, 2017). Tambahan pula, Gabungan Persatuan Rohingya Sedunia (UWRO) mendakwa jumlah pelarian etnik Rohingya di Malaysia sebenarnya telah melebihi 100,000 orang dengan separuh daripada mereka belum berdaftar sebagai pelarian sah menerusi UNHCR (Berita Harian, 2017).

Golongan pelarian juga mengambil inisiatif membentuk pertubuhan bagi membantu sesama mereka. Semangat bersedia untuk membantu anggota komuniti yang lain, dan jaringan sosial sesama mereka dilihat

sebagai satu bentuk perjuangan kehidupan bagi menghadapi ketidakpastian dalam kehidupan harian (Tan Pok Suan, 2006). Selain bantuan daripada badan bukan kerajaan seperti UNHCR dan ihsan kerajaan Malaysia, wakaf turut berpotensi membantu dan menyediakan kemudahan asas kepada golongan pelarian sementara berada di negara transit.

Wakaf ialah menahan harta benda yang kekal ‘ainnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebaikan dengan harapan dapat mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Pensyariatan wakaf yang bermatlamatkan mendekatkan diri kepada Allah meluaskan lagi skop tujuan wakaf dan menggalakkan kebaikan. Malah sifat wakaf yang perlu bertahan lama, menjamin wakaf yang disumbangkan dapat dimanfaatkan secara berterusan untuk sebarang tujuan kebaikan. Justeru, wakaf (wakaf am) juga tidak terhad kepada penerima tertentu, miskin atau berada dan boleh dinikmati semua selagi untuk tujuan kebaikan, apatah lagi untuk tujuan membantu memenuhi tuntutan asasi manusia untuk hidup.


## 2. Permasalahan Kajian

Walaupun pertambahan jumlah pelarian yang mendadak ke Malaysia khasnya Rohingya, kebanyakan pelarian tidak dapat menikmati hak asasi seperti hak untuk bekerja, kesihatan, tempat tinggal dan sebagainya hatta mereka memiliki kad UNHCR. Ini berikutan Malaysia tidak termasuk sebagai ahli kepada Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951. Oleh yang demikian, isu-isu berkenaan pelarian adalah berlandaskan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63, yang mana pelarian hanya dianggap sebagai pendatang asing. *Human Rights Watch* turut mempertikaikan komitmen Malaysia menangani isu pelarian

ini kerana mereka tidak boleh bekerja, bergerak atau mendaftarkan diri di sekolah kerajaan (Malaysiadateline, Januari 2018).

Keadaan itu disifatkan amat membimbangkan dan berkemungkinan boleh membawa kesan jangka panjang kepada Malaysia yang kini menjadi negara tumpuan bagi pelarian Rohingya yang lari daripada penindasan di Rakhine, Myanmar (*lihat Rajah 1 dan Rajah 2*). Malaysia merupakan negara pilihan bagi mereka dan dianggarkan sebanyak 112,500 pelarian Rohingya yang telah mengambil risiko nyawa menyeludup masuk ke Malaysia

antara tahun 2012 dan 2015 (Vivian Tan (UNHCR), 2017).



Sumber: Diubah suai daripada Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN)

Oleh kerana pelarian Rohingya datang daripada negara Myanmar yang tidak mengiktiraf kewarganegaraan etnik ini, maka kebanyakannya daripada pelarian tidak mempunyai dokumen rasmi asal negara yang menyebabkan kesukaran memberikan status pelarian setelah berada di Malaysia dan dianggap sebagai pendatang asing. Akibatnya, mereka tidak mendapat hak sebagai pelarian dan tidak dibenarkan bekerja.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini, kajian ini akan melihat bagaimana wakaf dapat dimanfaatkan bagi membantu golongan pelarian sementara mereka berada di Malaysia. Bantuan ini bukanlah bertujuan menggalakkan lebih ramai pelarian ke Malaysia tetapi bertujuan

menyediakan sokongan awal bagi memenuhi keperluan asasi golongan ini secara menyeluruh agar hak asasi mereka sebagai manusia turut dipelihara. Penyaluran bantuan ini juga bertujuan menyediakan mereka untuk berdikari sementara berada di negara ini. Di samping menyumbang kepada ekonomi negara secara tidak langsung, bantuan ini juga berpotensi mengekang berlakunya masalah kesihatan, jenayah, keganasan domestik yang membabitkan warga asing. Ini memandangkan menerusi wakaf, kemudahan asas seperti penempatan sementara, dapur awam untuk makanan, klinik kesihatan serta pusat pendidikan dapat disediakan bagi membantu mereka yang telah terputus bekalan dan punca rezeki untuk meneruskan kehidupan.

### 3. Kajian Lepas

Malaysia memilih untuk tidak menjadi ahli kepada konvensyen tersebut kerana khawatir gagal memenuhi tuntutan-tuntutan konvensyen seperti menanggung makan, minum dan tempat tinggal pelarian sehingga

ada negara ketiga yang sanggup menerima pelarian ini (Azlinariah Abdullah, 2014). Di samping terdapat isu lain yang perlu diberi keutamaan termasuk menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk negara ini

(Muhammad Faris Zaidi, 2017). Menyedari peningkatan pelarian di negara ini dan isu-isu yang berkaitan dengannya dalam aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan, dokumen dan keselamatan (Azlinariah Abdullah (2014), Norazira Ali (2014), Tan Pok Suan (2006) dan Aizat Khairi (2010)), pada tahun 2005, Kementerian Dalam Negeri juga

pernah mengumumkan untuk membenarkan pelarian etnik Rohingya yang mempunyai dokumen sah dan telah mengambil ujian kesihatan dan keselamatan untuk dibenarkan bekerja di Malaysia secara sah bermula 2017. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut tidak dapat dilaksanakan (Azlinariah Abdullah, 2014).

#### 4. Masalah Pelarian di Malaysia

Keperluan asas hidup bagi manusia adalah penting untuk survival kehidupan. Keperluan asas memastikan kesejahteraan dan kebajikan setiap individu terpelihara. Tempat perlindungan, makanan, pakaian, akses kesihatan dan keselamatan yang merupakan perkara *dharuri* yang mesti dipenuhi untuk seseorang hidup dengan baik dan sejahtera. Menjadi tanggungjawab pemerintah atau kerajaan bagi memastikan keperluan asas tersebut dapat dinikmati setiap rakyatnya. Malah, bagi golongan yang tidak berkemampuan untuk memiliki secara sendiri, pemerintah bertanggungjawab untuk membantu dan menyediakan keperluan asas tersebut bagi mereka (Al-Shātibī, t.t.). Kesukaran mendapat keperluan asas ini akan menyumbang kepada masalah sosial dan jenayah sekiranya tidak dibendung. Tidak terkecuali juga bagi golongan pelarian yang perlu meneruskan hidup mereka di negara yang mereka tumpang seperti Malaysia. Tambahan dengan jumlah mereka yang besar, sekiranya golongan ini terus dibiarkan maka ia turut mengheret kepada masalah ekonomi dan kesihatan negara secara tidak langsung.

Dalam aspek ekonomi, sekiranya mereka tidak mampu menyara diri dan keluarga dengan pekerjaan, maka golongan ini akan menjadikan peminta sedekah sebagai satu pekerjaan. Ini juga akibat takut ditangkap oleh pegawai imigresen jika mereka bekerja

di sektor swasta (Azlinariah Abdullah, 2014). Tambahan pula, kebanyakan pelarian adalah tidak mahir untuk bekerja di Malaysia (Tan Pok Suan, 2006). Pelarian ini juga akan terdedah menjadi mangsa pemerdagangan manusia untuk mendapat habuan yang dijanjikan bagi menyara hidup dan keluarga. Ini dibuktikan dengan pembongkaran kes pemerdagangan manusia terbesar di Wang Kelian, Perlis yang melibatkan etnik Rohingya (Hamzah & et.al (2017); Ajis & et.al (2017)). Peningkatan pelarian ini bukan sahaja mengancam keselamatan, kestabilan dan keamanan negara Malaysia malah, timbulnya rasa kebencian oleh penduduk tempatan. Selain itu, kebanjiran pelarian ini berupaya mempengaruhi profil demografi penduduk terutamanya di bandar-bandar besar dan juga berpotensi menggugat keselamatan dalam negeri ekoran daripada peningkatan kes jenayah yang membabitkan warga asing (Shaari, 2011).

Dalam aspek kesihatan pula misalnya, menurut Philip Hunter (2016), negara yang menerima pelarian dalam skala yang besar juga didapati perlu berusaha keras untuk memenuhi keperluan kesihatan pelarian daripada masalah jangkitan sehingga ke penyakit kronik dan sakit mental. Sebagai contohnya, di Jerman, yang mana paling kurang separuh daripada pelarian menderita pelbagai jenis sakit mental. Beliau juga menyatakan bahawa kajian Bozorgmehr K,

Razum O (2015) mendapati kos penjagaan kesihatan tahunan terus meningkat lebih tinggi daripada biasa sebanyak €375 (RM1790.33) seorang setahun dalam kalangan pendatang yang datang dari Balkan ke negara Jerman pada tahun 1994 sehingga 2013, yang bertangguh mendapatkan rawatan kesihatan berbanding mereka yang mendapat rawatan kesihatan secara terus

(Philip Hunter, 2016). Ini menunjukkan bahawa kos rawatan kesihatan akan meningkat sekiranya rawatan ditangguhkan. Begitu juga dengan isu pelarian yang lain yang perlu ditangani dengan segera agar masalah yang pada awalnya kecil sekiranya tidak diurus dengan segera akan berlarutan dan merebak.

### 5. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Sumber utama pengumpulan data digunakan daripada dokumen, buku, jurnal dan tesis berkaitan kajian ini. Selain itu, data dari laman sesawang dalam dan luar negara berkaitan kajian juga dikumpulkan untuk

mendapatkan maklumat pelaksanaan dana dan bantuan untuk pelarian di beberapa buah badan dalam dan luar negara. Data-data tersebut kemudiannya diteliti bagi menapis dan mengumpulkan maklumat-maklumat yang diperlukan sahaja untuk kajian ini.

### 6. Wakaf untuk Jaminan Sosial

Wakaf yang kebiasaannya disumbangkan untuk kegunaan orang ramai ini mempunyai keunikan dan kekuatannya tersendiri dari sudut sosial dan ekonomi kerana sifat wakaf yang terpelihara dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam jangka masa yang panjang (Timur Kuran (2001), Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), Abdul Halim Sunny (2007)). Wakaf bertindak sebagai mekanisme agihan semulakekayaan bagi mencapai keadilan ekonomi dalam masyarakat. Wakaf disalurkan kepada golongan yang kurang berkemampuan misalnya, sebagaimana yang dirakam dalam catatan sejarah perjalanan Ibn Battuta yang mana beliau melihat sendiri peristiwa seorang hamba yang telah memecahkan mangkuk porselin dari China secara tidak sengaja, hamba tersebut yang ketakutan dikerumuni oleh orang ramai, dan didatangi salah seorang daripada mereka lalu menyuruhnya mengutip serpihan mangkuk tersebut dan membawa kepada pemegang


wakaf. Akhirnya beliau mendapat bayaran yang sama bagi harga mangkuk tersebut (Ibn Baṭṭūtah, 1960). Selain itu, wakaf yang merupakan salah satu instrumen jaminan sosial ini kebiasaannya digunakan bagi menjamin keperluan wanita-wanita yang tidak mempunyai keluarga atau ibu tunggal, membantu orang kurang upaya, anak yatim dan orang yang menderita penyakit kronik, menyediakan keperluan makanan kepada fakir miskin dan menguruskan kelengkapan penguburan bagi kalangan fakir miskin dan orang asing (Rozali Othman (2006), Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (2008), M. Jandra Moh. Janan (2008)). Antara contoh kemudahan untuk golongan pelarian Somalia, Syria, Palestin dan Rohingya yang disediakan menerusi wakaf adalah wakaf perigi untuk keperluan air, hospital dan kenderaan ambulans untuk kesihatan, masjid, serta khemah untuk penempatan pelarian (Islamic Relief (2018) dan Harian Metro (2018)).

### 7. Wakaf untuk Jaminan Sosial Golongan Pelarian

Di Malaysia, wakaf adalah harta keagamaan dan tertakluk di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Oleh yang demikian, semua perkara berkaitan wakaf perlu didaftarkan dan ditabir oleh MAIN masing-masing. Walau bagaimanapun, MAIN berhak untuk melantik agen, wakil atau mutawalli sekiranya dirasakan perlu bagi menguruskan sesuatu harta wakaf untuk kemaslahatan ummah termasuklah wakaf untuk pelarian. Wakaf untuk pelarian

adalah wakaf jenis khas dari aspek benefisiarinya iaitu penerima manfaat. Pewakaf merupakan pihak yang memberi sumbangan wakaf sama ada individu, organisasi atau syarikat. Antara bentuk harta yang harus diwakafkan adalah harta alih yang terdiri daripada wang tunai dan peralatan atau kelengkapan asas, atau harta tidak alih seperti tanah, rumah atau lot bangunan (Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman, 2017).

### Rajah 3: Wakaf untuk Jaminan Sosial Golongan Pelarian



Sumber: Kajian lapangan.

Rajah 3 menggambarkan bentuk harta yang boleh diwakafkan dan dimanfaatkan untuk menyediakan keperluan asas golongan pelarian. Harta yang diwakafkan dalam bentuk wang tunai atau kelengkapan atau peralatan dikategorikan dalam harta alih, manakala harta yang diwakafkan dalam bentuk tanah, bangunan atau rumah dikategorikan sebagai harta tidak alih.

### 1) Wakaf Wang Tunai

Modal daripada wakaf tunai dijana melalui pelbagai sektor lain misalnya, sektor hartanah dengan pembelian premis atau bangunan pejabat di

tempat-tempat yang strategik dan kemudiannya disewakan dengan harga yang berpatutan. Hasil yang diperolehi daripada sewaan tersebut digunakan bagi tujuan wakaf pelarian seperti pendidikan dan kesihatan, pengurusan wakaf pelarian atau menyediakan dana bantuan. Wakaf tunai juga dijadikan sebagai modal pelaburan berdasarkan prinsip al-Mudharabah (Kahf, 1998) bagi membantu golongan pelarian yang mahir dalam perniagaan untuk menjalankan perniagaan ekonomi berskala kecil. Setelah cukup tempoh-

## Potensi Wakaf Sebagai Mekanisma Jaminan dan Perlindungan Sosial Golongan Pelarian

- tempoh tertentu, peniaga yang telah berjaya akan membayar semula wang modal yang telah dipinjamkan berserta keuntungan daripada perniagaan tersebut. Kemudiannya wang tersebut digunakan pula oleh peniaga lain yang ingin memulakan perniagaannya.
- 2) Wakaf Peralatan atau Kelengkapan Asas
- Wakaf jenis ini membantu menyediakan peralatan dan kelengkapan bagi pusat penempatan sementara, dapur awam, pusat pendidikan, klinik khas dan kawasan pertanian. Kelengkapan terdiri daripada antaranya elektrik, air, sistem kumbahan dan pembahagi ruang bagi mengasingkan bilik atau ruang antara keluarga. Manakala peralatan adalah seperti berikut:
- Penempatan sementara: tilam, bantal, selimut, pakaian dan keperluan sanitasi.
  - Dapur Awam: peralatan memasak dan menyimpan bahan makanan.
  - Pusat Pendidikan: bahan pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian untuk golongan pelarian.
  - Klinik Khas: peralatan perubatan dan ubat.
  - Tanah Pertanian: peralatan pertanian dan baja
- 3) Wakaf Pusat Penempatan Sementara
- Wakaf ini merupakan wakaf harta tidak alih sama ada dalam bentuk tanah, bangunan atau rumah yang diwakafkan untuk tujuan penempatan sementara bagi golongan pelarian. Kemudahan ruang tidur, solat dan bilik air turut disediakan.
- 4) Wakaf Dapur Awam
- Wakaf berkonsepkan dapur sup iaitu menyediakan makanan untuk golongan pelarian diusahakan dan diuruskan sendiri oleh mereka dengan menyediakan makanan secara bersama. Bahan makanan adalah hasil sumbangan masyarakat, perkongsian sesama pelarian atau hasil pertanian daripada tanah atau kebun wakaf pertanian yang diusahakan.
- 5) Wakaf Pusat Pendidikan
- Pendidikan merupakan antara faktor penting dalam usaha menyediakan modal insan yang berguna. Menerusi wakaf, fasiliti pendidikan untuk golongan pelarian dapat disediakan bagi mengisi masa kanak-kanak pelarian di samping, mempersiapkan mereka dengan pengetahuan asas, ilmu agama dan kemahiran untuk berdikari dan bekerja setelah kembali ke negara asal mereka.
- 6) Wakaf Klinik Khas
- Menyediakan klinik khas untuk kemudahan dan perkhidmatan asas kesihatan kepada golongan pelarian sama ada dengan caj lebih rendah atau percuma bagi yang tidak berkemampuan. Selain itu, pemberian suntikan vaksin untuk mencegah penularan penyakit berjangkit daripada negara asal mereka, rawatan

kesihatan untuk ibu dan anak dan psikoterapi akan disediakan bagi membantu golongan pelarian.

7) Wakaf Tanah Pertanian

Tanah yang diwakafkan dimanfaatkan sebagai kebun dan kolam ikan bagi sumber makanan golongan pelarian. Ini memandangkan kebanyakannya pelarian contohnya dari Myanmar merupakan para petani dan mengusahakan tanah pertanian. Justeru, dengan kemahiran yang ada dimanfaatkan bagi mendapatkan sumber makanan dan mata pencarian sementara berada di negara transit.

8) Bantuan

Hasil daripada keuntungan wakaf tunai juga diperuntukkan dalam satu tabung khas sebagai bantuan. Bantuan ini menawarkan pinjaman dengan kontrak Qard al-Hasan iaitu pinjaman tanpa bunga dan atas dasar al-ehsan (perikemanusiaan) ini dapat mengurangkan beban golongan pelarian yang kurang

berkemampuan ketika mengalami kesempitan wang. Pinjaman tersebut dapat digunakan bagi melangsakan hutang di klinik kesihatan, membuka perniagaan dan masalah-masalah lain. Selain itu, bantuan ini bagi menjamin keperluan ibu tunggal, orang kurang upaya, anak yatim dan orang yang menderita penyakit kronik, dan menguruskan kelengkapan penguburan bagi yang memerlukan.

Dalam perkembangan teknologi sekarang, sumbangan wakaf yang dikumpulkan bukan saja boleh dimanfaatkan di sesbuah negara sahaja, malah bantuan daripada negara luar atau kepada negara luar juga boleh disalurkan. Majlis Ugama Islam Singapura juga melalui dana wakafnya telah memperuntukkan lapan peratus daripada hasil harta wakafnya untuk membantu negara lain, seperti Arab Saudi, India dan Indonesia (Shamsiah Abdul Karim, 2010). Memandangkan wakaf ini satu sumber yang mempunyai potensi tinggi, maka pelbagai bentuk sumbangan dan kebajikan boleh dimanfaatkan.

## 8. Kesimpulan

Wakaf untuk pelarian adalah satu mekanisme untuk menyediakan sokongan awal bagi memenuhi keperluan asasi golongan pelarian. Penempatan sementara, dapur awam, klinik, pusat pendidikan serta tanah pertanian yang disediakan menerusi wakaf harta tidak alih dapat mewujudkan kemudahan untuk golongan pelarian. Manakala wakaf harta alih seperti wang dapat dilaburkan dan hasilnya digunakan untuk tujuan pengurusan, dana simpanan untuk kecemasan dan juga bantuan lain yang diperlukan. Kemudahan bantuan ini

bertujuan membantu mereka untuk berdikari sementara berada di negara ini dan mengekang berlakunya masalah kesihatan, jenayah, keganasan domestik yang membabitkan warga asing.

Menerusi wakaf ini juga, rasa prihatin dan mengambil berat sesama manusia dapat dipupuk selari dengan ajaran Islam tanpa mengira bangsa dan negara. Majlis Agama Islam Negeri sama ada secara sendiri atau mewakilkan kepada badan bukan kerajaan atau organisasi tertentu dapat meluaskan lagi

kebaikan wakaf kepada masyarakat. Usaha mewujudkan wakaf untuk pelarian juga akan membuktikan kesungguhan kerajaan dalam

memperjuangkan hak kemanusiaan di peringkat global.

## Rujukan

- Abdullah, A. (2014). Diaspora Rohingya di Malaysia: Pengekalan identiti dan survival masyarakat minority. *Sarjana*, 29 (1), 107-122.
- Ajis, M. N. E., Zain, Z. M., Keling, M. F., & Zakuan, U. A. A. (2017). Aktiviti Penyeludupan Migran Dalam Kalangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia (Smuggling of Migrants Activites Among Illegal Migrants in Malaysia). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 13(2).
- Al-Shāṭibī, 'Abū Ishāq, *Al-Muwāfaqāt fī 'Uṣūl al-Sharī'ah* (cet. ke 7, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jil. 2), 7
- Ali, N. (2014). Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: kajian kes di Pulau Pinang. Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2014, ISBN 978-967-11473-1-3
- Ali, S. A. S. (2017, January 17). Lebih 100,000 pelarian Rohingya berlindung di Malaysia. <https://www.bharian.com.my/node/235604>
- Amin, S. S. (2011). *Pemerdagangan Manusia dan Kesannya Terhadap Isu Keselamatan di Malaysia*. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Donna, D. R. & Mahmudi. (2007). The dynamic optimization of cash waqf management: An optimal control theory approach (conference paper). International Conference: Management from Islamic Perspectives., International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur.
- Hamzah, I. S., Daud, S., & Idris, N. A. (2017). Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9)
- Harian Metro. (2018, February 26). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/02/316449/ambulans-wakaf-berbakti-tanpa-henti-di-syria-metrotv>
- Hunter, P. (2016). The refugee crisis challenges national health care systems. EMBO reports, 17 (4, 2016), DOI 10.1525 embr.201642171
- Ibn Baṭūṭah (1377M). *Rihlah Ibn Baṭūṭah*. Dhakar al-Awqāf bi Damshiq wa ba‘d Faḍā'i'l Ahlihā. Bayrūt: Dār Ṣāwir dan Dār Bayrūt (1960)
- Islamic Relief. (2018, April 3). <https://islamic-relief.org.my/dana-wakaf-air-somalia-special-appeal/>
- Janan, M. J. M. (2008). Memproduktifkan wakaf: Pengalaman di Indonesia (conference paper). Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kahf, M. (1998, Mac 2-4). Financing The Development of Awqaf Property. Seminar on Development of Awqaf, IRTI, Kuala Lumpur. 1-46
- Kahf, M. (2005, March 20). Taxation system: A substitute for zakah?. [http://www.islamawareness.net/Zakat/zakat\\_fatwa003.html](http://www.islamawareness.net/Zakat/zakat_fatwa003.html)
- Karim, S. A. (2006, September 12-14). Pengurusan dan Pembangunan Wakaf di

- Singapura (conference paper). Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Karim, S. A. (2010). Contemporary *Shari'a* Compliance Structuring for the Development and Management of *Waqf* Assets in Singapore. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 3, 2(Mac) 143–164
- Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN). (2016, September 20). Malaysia gesa UNHCR selesai isu penempatan semula pelarian. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/berita-kdn/2936-malaysia-gesa-unhcr-selesai-isu-penempatan-semula-pelarian>
- Khairi, A. (2010, October 14-15). Managing the challenges of refugees and their rights in Malaysia (conference presentation). International Conference on Human Rights in Bangkok, Thailand
- Kuran, T. (2001). The provision of public goods under Islamic law: Origin, contribution and limitation of the waqf system. *Law & Society Review* 35 (4) 841-897
- Malaysiadateline (2018, January 19). Badan hak asasi antarabangsa ragui komitmen Malaysia bantu pelarian Rohingya. <https://malaysiadateline.com/badan-hak-asasi-antarabangsa-ragui-komitmen-malaysia-bantu-pelarian-rohingya/>
- Othman, R. (2006), Institusi Wakaf: Realisasikan Matlamat Melahirkan Masyarakat Berkualiti Ke Arah Mencapai Wawasan Islam Hadhari Di Malaysia (conference paper) .Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan. 100-101
- Suan, T. P. (2006). Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan dalam ketidakpastian hidup. *Akademika* 68 (Januari) 111-122
- Suhaimi, F. M. & Rahman, A. A. (2017). *Wakaf Tunai dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sunny, A. H. (2007). Dana Wakaf Pendidikan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 33-44
- Tan, V. (2017, Mei 3). Over 168,000 Rohingya likely fled Myanmar since 2012 - UNHCR report. <http://www.unhcr.org/en-my/news/latest/2017/5/590990ff4/168000-rohingya-likely-fled-myanmar-since-2012-unhcr-report.html>
- Toraman, C. & Tuncsiper, B. (2007, August 9-11). Cash Awqaf in the Ottoman as Philanthropic Foundations and their Accounting Practices (conference paper). The Fifth Accounting History International Conference, Banff, Alberta, Canada, 1-19
- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). *Convention and Protocol Relating to The Status Of Refugees*, <http://www.unhcr.org/3b66c2aa10.pdf>, 14
- Yalawae, A. & Tahir, I. M. (2010, Jun). The Role of Islamic Institution in Achieving Equality and Human Development: Waqf or Endowment", <http://www.capabilityapproach.com/pubs/Asming%20Yalawae,%20and%20Izah%20TahirWaqfAsmeng.pdf>, Jun 2010
- Zaidi, M. F. (2017, Julai 31). Mengiktiraf hak asasi pelarian di Malaysia. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/mengiktiraf-hak-asasi-pelarian-di-malaysia1.509330#ixzz56IRGVqV9>,
- Zaragoza-Cristiani, J. (2015). Analysing the Causes of the Refugee Crisis and the Key Role of Turkey: Why Now and Why So Many? (EUI Working Paper RSCAS 2015/95). European University Institute

Potensi Wakaf Sebagai Mekanisme Jaminan dan Perlindungan Sosial Golongan Pelarian

Robert Schuman Centre for Advanced Studies BORDERLANDS Project